



Johari mahu selesai masalah Pasar Keramat

(13 NOVEMBER 2022) MINGGUAN MALAYSIA . P9

KUALA LUMPUR: Keadaan daif infrastruktur di Pasar Keramat yang terletak di ibu negara boleh diselesaikan jika semua pihak terlibat duduk semeja untuk menyelesaikan isu itu.

Calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, walaupun pasar tersebut sudah berusia lebih 40 tahun, keadaan di sekitar premis itu boleh 'diselamatkan' secara menang-menang menerusi perbincangan antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), pemaju dan peniaga.

Katanya, beliau sanggup menjadi orang tengah antara ketiga-

tiga pihak itu bagi mendapatkan jalan penyelesaian yang terbaik buat semua.

"Kita mahu pemaju menang, DBKL menang selepas enam tahun DBKL mendakwa tidak dapat apa-apa hasil. Saya difahamkan hanya beberapa peratus yang baru dikutip," katanya selepas melakukan walkabout di Pasar Keramat kelmarin.

Katanya, bagi peniaga pula, mereka juga terjejas apabila tidak boleh berniaga.

Menurutnya, Pasar Keramat sewajarnya terus dibangunkan kerana kedudukannya strategik termasuk berhampiran dengan Stesen Transit Aliran Ringan

(LRT).

"Saya difahamkan tanah itu dijual DBKL kepada pemaju enam tahun dulu tetapi pemaju tidak boleh laksana pembangunan, tak tahu sebab apa.

"Apabila penaja ada masalah pendawaian, tandas, jalan berlopak, parkir dan apabila diadu, DBKL kata bukan dia punya lagi. Pemaju pula tidak buat apa-apa," kata beliau.

Pasar Keramat mempunyai 334 peniaga dan tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, ramai peniaga mengeluh berikutan pendapatan mereka yang kini didakwa merosot daripada RM2,000 sehari kepadakurang daripada RM1,000.



JOHARI Abdul Ghani bersalam dengan peniaga ketika berkempen di Pasar Raja Bot, Kuala Lumpur, semalam.